

RON97, RON 95 naik 8 sen, diesel naik 10 sen seliter

Kuala Lumpur: Harga bagi setiap liter RON97 dan RON95 naik lapan sen, manakala diesel pula naik 10 sen bagi tempoh 13 hingga 19 Jun ini.

Menurut kenyataan Kementerian Kewangan, berdasarkan penetapan harga runcit mingguan produk petroleum menggunakan formula Mekanisme Harga Automatik (APM), harga baharu seliter bagi RON97 ialah RM1.86, RON95 (RM1.56) dan diesel RM1.73.

Kenaikan harga itu dipengaruhi harga minyak diproses yang semakin meningkat selari dengan kenaikan harga minyak mentah dunia.

"Kerajaan akan terus memantau impak perubahan harga minyak mentah dunia dan mengambil langkah perlu untuk memastikan kebajikan serta kesejahteraan rakyat terjaga," kata kenyataan itu.

BERNAMA